

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	LEBIH 1 TAN IKAN MATI DI HILIR SUNGAI JOHOR
	SUMBER	BH (3 NOVEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	21 (NASIONAL)

BH Isnin, 3 November 2025

Nasional

21

Lebih 1 tan ikan mati di hilir Sungai Johor



Bangkai pelbagai jenis ikan terapung dan berbau busuk di hilir Sungai Johor akibat pencemaran.

(Foto Omar Ahmad/BH)

Pencemaran dari kolam tapak perlombongan jejas pendapatan penduduk

Oleh Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Kota Tinggi: Lebih satu tan pelbagai ikan sungai di sepanjang hilir Sungai Johor, di sini mati dipercayai akibat pencemaran daripada kolam tapak perlombongan berhampiran yang pecah, Jumaat lalu.

Tinjauan di Ulu Sungai Johor yang terletak di Kampung Orang Asli Sayong Pinang, di sini mendapati air sungai masih lagi keruh dan sepanjang perjalanan menaiki bot ke hilir Sungai Johor pula terdapat bangkai pelbagai jenis ikan hanyut dan berbau busuk, antaranya ikan lampam, kelabau, patin dan jelawat.

Tok Batin Kampung Orang



Pencemaran Sungai Johor jejas 200,000 akaun pengguna

Keratan akhbar BH semalam.

Asli Sungai Sayong Pinang, Majid Jantan, berkata, pencemaran itu menjejaskan mata pencarian penduduk kampung yang kebanyakannya bekerja sebagai nelayan sungai dengan pendapatan sehingga RM300 sehari.

"Sudah tiga hari kami semua tidak dapat bekerja, air sungai jadi putih. Ikan banyak mati. Di hilir Sungai Johor boleh nampak semua ikan timbul dengan bau busuk.

"Pencemaran ini paling teruk terjadi sepanjang hidup saya, sebelum ini kalau tercemar hanya dua atau tiga hari. Tetapi bila lihat keadaan ini rasa lebih lama hendak pulih.

"Masalah pelombongan punya

empangan pecah. Tiba-tiba pagi kami semua lihat ikan yang disimpan dalam sangkar semua mati, ikan liar dalam sungai pun mati. Saya harap pihak bertanggungjawab boleh memberikan pampasan kepada nelayan sebab mata pencarian kami memang di sungai ini. Sangat terkesan sekali," katanya.

Pendapatan nelayan terjejas

Bagi nelayan, Mazuri Mat, 39, dia terkilan kerana ikan yang diketakkan di sangkar di sungai yang sepatutnya sedia untuk dijual, didapati mati.

Katanya, hasil sungai seperti patin, jelawat dan udang harimau mempunyai harga pasaran yang tinggi.

"Saya mempunyai empat anak yang mana tiga daripadanya masih lagi bersekolah. Setiap hari saya akan turun ke sungai menjaja dan memukat ikan untuk mencari rezeki. Semalam (kelmarin) dan hari ini (semalam) saya sendiri melihat kesan pencemaran, banyak ikan timbul tersangkut di dahan kayu dan hanyut dibawa arus. Ikan besar dan kecil banyak yang mati seolah-olah macam kena tuba.

"Saya minta pihak yang berkenaan menyebabkan pencemaran ini segera bertindak, kami sangat terkesan, kami mohon diberi pampasan yang setimpal dengan mata pencarian kami selama ini," katanya.

Pencemaran lumpur di hulu

Sungai Johor dipercayai akibat insiden kolam cucian pasir yang pecah di kawasan perlombongan pasir darat berhampiran Kampung Orang Asli Sayong Pinang, di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi Johor, Mohamad Fazli Mohamad Salleh, dalam kenyataan dilaporkan berkata paras kekeruhan air meningkat kepada 37,400 unit Nephelometric Turbidity Unit (NTU) berbanding paras normal sekitar 400 NTU.

Pencemaran itu menyebabkan kira-kira 200,000 akaun pengguna terganggu akibat operasi beberapa loji rawatan air (LRA) terjejas.

2.	TAJUK	SUSULAN SUNGAI JOHOR TERCEMARAKIBAT KOLAM PERLOMBONGAN PECAH : LEBIH SATU TAN IKAN TERAPUNG
	SUMBER	HARIAN METRO (3 NOVEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	10 (LOKAL)

lokal

SUSULAN SUNGAI JOHOR TERCEMAR AKIBAT KOLAM PERLOMBONGAN PECAH

Lebih satu tan ikan terapung

Oleh Omar Ahmad
omah@hmetro.com.my

Kota Tinggi

Lebih satu tan ikan pelbagai spesies di sepanjang hilir Sungai Johor di sini mati dipercayai akibat pencemaran daripada kolam sebuah tapak perlombongan berhampiran yang pecah, Jumaat lalu.

Tinjauan di Ulu Sungai Johor yang terletak di Kampung Orang Asli Sayong Pinang di sini mendapati air sungai berwarna seakan putih susu.

Sepanjang perjalanan menaiki bot ke hilir Sungai Johor pula mendapati bangkai pelbagai jenis ikan hanyut dan berbau busuk, antaranya lampam, kelabau, patin dan jelawat.

Tok Batin Kampung Orang Asli Sungai Sayong Pinang, Majid Jantan berkata, pencemaran ini menjejaskan mata pencarian penduduk kampung bekerja sebagai nelayan, di mana majoritinya menjadikan sungai sebagai sumber mata pencarian mereka.

Katanya, dalam sehari kebanyakan nelayan mampu meraih pendapatan hasil tangkapan ikan sekitar RM300.

"Sudah tiga hari kami tidak dapat bekerja kerana air sungai jadi putih seperti ini. Ikan banyak mati. Di hilir Sungai Johor boleh nampak semua ikan timbul dengan bau busuk.

"Pencemaran ini paling teruk terjadi sepanjang hidup saya. Sebelum ini kalau



MAJID mengangkat bangkai ikan patin seberat 10 kilogram yang mati akibat pencemaran di Sungai Johor.

tercemar hanya dua atau tiga hari, tetapi bila lihat keadaan ini rasa lebih lama hendak pulih.

"Pagi ini tiba-tiba kami lihat semua ikan yang disimpan dalam sangkar mati, ikan liar dalam sungai pun mati.

"Saya harap pihak bertanggungjawab boleh memberikan pampasan kepada kami sebab mata pencarian kami memang di sungai ini. Ia sangat terkesan sekali," katanya.

Seorang nelayan, Mazari

Mat, 39 melahirkan rasa terkilan kerana ikan yang diletakkan dalam sangkar di sungai itu yang sepatutnya dijual sudah mati.

Katanya, hasil sungai se-

perti ikan patin, jelawat dan udang harimau mempunyai harga pasaran yang tinggi.

"Saya mempunyai empat orang anak yang mana tiga

daripadanya bersekolah. Setiap hari saya akan turun ke sungai menjala dan memuat ikan untuk mencari rezeki. Semalam (ketmarin) dan hari ini (semalam) saya sendiri melihat kesan pencemaran, banyak ikan timbul tersangkut di dahan kayu dan hanyut di bawah arus. Ikan besar dan kecil banyak yang mati seolah-olah seperti lenu tuba.

"Saya minta pihak yang berkenaan menyebabkan pencemaran ini segera bertindak, kami sangat terke-

san, kami mohon diberi pampasan yang setimpal dengan mata pencarian kami selama ini," katanya.

Jumaat lalu, pencemaran lumpur di hulu Sungai Johor disedari penduduk jam 7 pagi akibat insiden kolam cucian pasir yang pecah di sebuah kawasan perlombongan pasir darat berhampiran Kampung Orang Asli Sayong Pinang, di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi Johor, Mohamad Fazi Mohamad Salleh, dalam kenyataan dilaporkan berkata paras kekeruhan air meningkat kepada 37,400 unit Nephelometric Turbidity Unit (NTU) berbanding paras normal sekitar 400 NTU.

Katanya, kerajaan negeri sudah mengambil langkah segera dengan meningkatkan pelepasan air dari Empangan Linggiu bagi mencairkan lumpur dan mengurangkan tahap kekeruhan di Sungai Johor.

Insiden itu turut berisiko menjejaskan operasi beberapa Loji Rawatan Air (LRA) termasuk LRA Linggiu, LRA Semangar, LRA Sungai Johor dan LRA PUB Singapura yang boleh menyebabkan gangguan sementara bekalan air di beberapa kawasan di Kota Tinggi, Johor Bahru, Pontian dan Kulai.

Pemantauan sedang giat dijalankan oleh Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ), Jabatan Alam Sekitar dan Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Ranhill SAJ bagi memastikan keadaan kembali pulih.

"Sudah tiga hari kami tidak dapat bekerja kerana air sungai jadi putih seperti ini. Ikan banyak mati. Di hilir Sungai Johor boleh nampak semua ikan timbul dengan bau busuk"

Tok Batin Kampung Orang Asli Sungai Sayong Pinang, Majid Jantan

3.	TAJUK	3 AKTIVITI PERLOMBONGAN DI HULU SUNGAI PERAK PUNCA AIR JADI BIRU
	SUMBER	BH (4 NOVEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	20 (NASIONAL)

3 aktiviti perlombongan di hulu Sungai Perak punca air jadi biru

Satu babitkan lombong REE, dua lagi lombong bijih timah



Oleh Hannah Norbaqqa Syarul
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengenal pasti tiga aktiviti perlombongan di bahagian hulu Sungai Perak berhampiran Jambatan Kampung Sungai Papan di Gerek, yang berpotensi menjadi punca air sungai bertukar kebiruan baru-baru ini.

Ketua Pengarah Alam Sekitar, Datuk Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, berkata siasatan awal mendapati satu daripada kawasan itu adalah lombong nadir bumi (REE), manakala dua lagi adalah lombong bijih timah.

Beliau berkata, siasatan lanjut sedang dijalankan dengan kerjasama Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), selain analisis sampel air di lokasi terbabit bagi mengenal pasti punca sebenar pencemaran.

"Sampel air sudah diambil dan kita sedang menunggu laporan analisis makmal daripada Jabatan Kimia. Pemeriksaan bersama JMG juga sedang dilakukan bagi meneliti kemungkinan kaitan akti-



viti perlombongan dengan perubahan warna air sungai ini.

"Seperti dimaklumkan Pengarah JAS Perak sebelum ini, memang kita syak ia berpunca daripada aktiviti perlombongan di kawasan hulu," katanya pada Sesi Dialog Ketua Pengarah Alam Sekitar bersama pengamal media di sini, semalam.

Sampel air sungai dianalisis

Sebelum ini, Pengarah JAS Perak, Datuk Dr Mohammad Ezanni Mat Salleh, berkata sampel air Sungai Perak berhampiran Jambatan Kampung Sungai Papan sudah dihantar ke makmal Jabatan Kimia Malaysia pada 22 Oktober lalu

untuk dianalisis.

Katanya, perubahan warna kebiruan itu menjadi indikasi awal berlaku kemasukan bahan pencemar ke dalam sungai, namun jenis dan tahap pencemaran hanya dapat dipastikan selepas laporan analisis diperolehi.

Sebelum ini, tular di media sosial video dan gambar memaparkan air Sungai Perak bertukar warna kebiruan yang didakwa beracun dan berbahaya kepada hidupan akuatik serta manusia.

Wan Abdul Latiff berkata, perubahan warna itu mungkin berpunca tindak balas kimia dalam aliran sungai dan bukannya pelepasan langsung daripada kilang atau lombong.

"Dalam banyak kes, kadang-kadang ia bukan pelepasan terus daripada kilang. Ada juga kes orang membawa bahan kimia dalam bekas dan mencurakkannya ke dalam sungai."

"Kita akan maklumkan hasil siasatan selepas laporan lengkap termasuk analisis kimia diterima," katanya.



Wan Abdul Latiff (tengah, duduk) bersama pengamal media selepas Sesi Dialog Ketua Pengarah Alam Sekitar bersama pengamal media di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Raihana Mansor/BH)

4.	TAJUK	AIR SUNGAI PERAK BERUBAH KEBIRUAN : JAS KESAN TIGA AKTIVITI PERLOMBONGAN. TUNGGU LAPORAN JABATAN KIMIA
	SUMBER	HARIAN METRO (4 NOVEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	9 (LOKAL)

AIR SUNGAI PERAK BERUBAH KEBIRUAN: JAS KESAN TIGA AKTIVITI PERLOMBONGAN

Tunggu laporan Jabatan Kimia

Oleh **Muhamad Lokman Khairi**
lokman.khairi@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengesahkan terdapat tiga aktiviti perlombongan di bahagian hulu Sungai Perak dekat Jambatan Kampung Sungai Papan di Gerik yang berubah warna kebiruan dan didakwa tercemar, baru-baru ini.

Ketua Pengarah Alam Sekitar, Datuk Wan Abdul Latiff Wan Jaffar berkata, satu daripadanya adalah kilang unsur nadir bumi (REE) manakala dua lagi adalah lombong bijih timah.

Bagaimanapun, beliau berkata, JAS masih menjalankan siasatan lanjut termasuk pemeriksaan ke lombong terbabit bersama Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dan analisis sampel bagi mengenal pas-

ti punca sebenar pencemaran.

"Sampel (air sungai) kita sudah ambil dan kita sedang menunggu laporan analisis makmal daripada Jabatan Kimia.

"Kita juga laksanakan pemeriksaan ke lombong-lombong bersama pihak JMG.

"Dalam hal ni seperti kenyataan daripada Pengarah JAS Perak sebelum ini memang kita syak (berpunca) daripada aktiviti perlombongan," katanya ketika Sesi Dialog Ketua Pengarah Alam Sekitar bersama Pengamal Media di sebuah hotel di sini, semalam.

Terdahulu, Pengarah JAS Perak, Datuk Ts Dr Mohammad Ezanni Mat Salleh dilaporkan berkata, sampel air sungai di lokasi terbabit sudah dihantar ke makmal Jabatan Kimia Malaysia pada 22 Oktober lalu untuk dianalisis.

Beliau dipetik berkata, perubahan warna air



WAN Abdul Latiff (tengah) ketika sesi dialog bersama pengamal media, semalam.

sungai adalah satu indikasi berlakunya kemasukan bahan pencemar ke sungai, namun jenis dan tahap pencemaran hanya akan diketahui selepas laporan analisis kimia diperolehi.

Sebelum itu, tular video

dan gambar di media sosial memaparkan Sungai Perak dekat Jambatan Kampung Sungai Papan di Gerik, bertukar warna kepada kebiruan.

Walaupun kelihatan cantik, ia didakwa bertoksik

dan berbahaya kepada hidupan akuatik serta manusia termasuk mengakibatkan komplikasi kesihatan seperti risiko kerosakan organ, gangguan saraf dan kanser.

Terdapat juga video dikongsikan pengguna media sosial memaparkan beberapa ikan mati timbul di atas permukaan sungai di lokasi terbabit.

Mengulas lanjut, Wan Abdul Latiff berkata, perubahan air sungai kebiruan itu berkemungkinan tidak dilepaskan secara terus daripada kilang, sebaliknya hasil tindak balas dalam saliran sungai.

"Dalam banyak kes juga kadang-kadang ia bukan pelepasan terus daripada kilang.

"Ada juga kes di mana orang bawa (bahan kimia) dalam bekas tong drum dan sebagainya, kemudian dicurah ke dalam sungai.

"Jadi, kita akan maklumkan hasil siasatan selepas siasatan lengkap termasuk laporan analisis kimia," katanya.



KEADAAN air di hulu Sungai Perak yang bertukar kebiruan dekat Jambatan Kampung Sungai Papan di Gerik, Perak.

5.	TAJUK	INSIDEN PENCEMARAN SUNGAI JOHOR : SYARIKAT MUNGKIN KENA PENDAKWAAN
	SUMBER	HARIAN METRO (4 NOVEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	9 (LOKAL)

Johor Bahru: Sebuah syarikat yang dikaitkan dengan insiden pencemaran Sungai Johor berkemungkinan berdepan tindakan pendakwaan sekiranya Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengenal pasti terdapat pelanggaran di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127).

JAS dalam satu kenyataan memaklumkan hasil mesyuarat bersama Pejabat Tanah dan Galian (PTG) serta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) memutuskan tindakan perundangan akan diambil di bawah Enakmen PTG (Pelesenan) dan Akta SPAN yang berkenaan. Susulan itu, JAS telah

INSIDEN PENCEMARAN SUNGAI JOHOR

Syarikat mungkin kena pendakwaan

mengeluarkan Field Citation (FC) kepada syarikat berkenaan untuk mengemukakan laporan terperinci mengenai kerja-kerja penambahbaikan benteng kolam takungan yang pecah hingga mencemari aliran Sungai Johor.

"Selain itu, syarikat itu turut diarahkan melaksanakan pemantauan berterusan terhadap semua kolam takungan yang beroperasi bagi memastikan tiada kejadian pencemaran berulang," menurut kenya-

taan itu.

Menurut JAS, aktiviti pengambilan pasir oleh syarikat terbabit tidak tertakluk kepada Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) kerana melibatkan kawasan kurang daripada 20 hektar.

Bagaimanapun, jabatan itu akan memastikan tiada lagi aliran air berlumpur atau bahan

pencemar memasuki sistem sungai berhampiran selepas kerja pembetulan selesai.

"Mana-mana pihak yang menyebabkan pencemaran alam sekitar boleh dikenakan tindakan tegas. Pengusaha aktiviti seperti perlombongan dan perindustrian mesti melaksanakan langkah kawalan pencemaran yang

berkesan terutama semasa musim hujan," menurut kenyataan itu.

Semalam, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi Johor Mohamad Fazli Mohamad Salleh dilaporkan berkata paras kekeruhan air mentah di Lembangan Sungai Johor mencatat peningkatan luar biasa hingga 37,400 Nephelometric Turbidity Unit (NTU) berbanding paras normal kira-kira 400 NTU.

Beliau berkata kejadian berpunca daripada pergerakan tanah yang menyebabkan kolam cucian pasir keenam milik syarikat tempatan di kawasan perlombongan pasir darat di Kota Tinggi pecah, lalu mencemari aliran Sungai Johor.

Insiden itu menyebabkan 455,499 akaun pengguna mengalami gangguan bekalan air tidak terancang.

Sebagai langkah mitigasi, pelepasan air dari Empangan Linggiu telah ditingkatkan bagi tujuan pencairan serta penghantaran bekalan air alternatif melalui lori tangki ke kawasan terjejas.



5.	TAJUK	PENCEMARAN SUNGAI JOHOR : POLIS TERIMA TUJUH LAPORAN
	SUMBER	BH (6 NOVEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	19 (NASIONAL)

Pencemaran Sungai Johor

Polis terima tujuh laporan

Penduduk dari 3 kampung Orang Asli yang terjejas turut buat aduan

Oleh Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Polis menerima tujuh laporan berkaitan pencemaran Sungai Johor di Kampung Orang Asli Sayong Pinang, Kota Tinggi, termasuk daripada pemilik lombong dan syarikat pengendali air.

Ketua Polis Johor, Datuk Ab Rahaman Arsad, berkata selain itu, tiga penduduk Kampung

Orang Asli yang terjejas akibat insiden sejak Jumaat lalu itu turut membuat laporan polis.

"Laporan diterima daripada syarikat pengendali air Johor, Ranhill SAJ Sdn Bhd, penduduk kampung dan pemilik lombong.

"Saya sahkan tujuh laporan polis dibuat dari 31 Oktober (hari kejadian pencemaran) hingga semalam (kelmarin)," katanya di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor, di sini, kelmarin.

JAS, SPAN jalankan siasatan
 Ab Rahaman berkata, siasatan kes pencemaran bukan dijalankan polis, sebaliknya oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Suruhan Perkhidmatan Air Negara (SPAN), selain difahamkan Ranhill SAJ juga akan menjalankan siasatan berhubung isu pencemaran ini.

"Polis lebih kepada pemanta-



Air Sungai Sayong berdekatan Kampung Orang Asli Sayong Pinang dipenuhi mendapan pasir. (Foto BERNAMA)

uan untuk pastikan tidak berlaku keadaan di luar jangkaan.

"Saya memang ada permit (syarikat lombong) untuk mengeluarkan pasir yang dikeluarkan Pejabat Tanah dan Galian daerah Kota Tinggi. Ia memang lesen sah," katanya.

Tiga kampung terjejas akibat pencemaran ialah Kampung Orang Asli Sayong Pinang, Kampung Orang Asli Pasir Intan dan Kampung Orang Asli Kempas Menang.

Pencemaran dipercayai berlaku Jumaat lalu apabila kolam cucian pasir pecah di Ulu Sungai

Johor berdekatan Kampung Orang Asli Sayong Pinang.

Insiden menjejaskan kira-kira 150 nelayan di sepanjang Ulu Sungai Johor, selain 1.8 juta penduduk atau lebih 455,757 akaun pengguna air di empat daerah, iaitu Johor Bahru, Kulai, Pontian dan Kota Tinggi.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustafa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**